



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 8 TAHUN 2010

**BAYARAN INSENTIF AKADEMIK PENSYARAH PERUBATAN
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan memberi Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan Di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

LATAR BELAKANG

2. Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan diberi kepada pegawai dalam Skim Perkhidmatan Pensyarah Perubatan Gred DU45, DU51/52, DU53/54, Gred Khas C dan ke atas sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada Pensyarah Perubatan yang menjalankan tugas-tugas pengajaran, pembelajaran, tugas-tugas klinikal (dengan kelulusan kepakaran klinikal) dan tugas-tugas pre-klinikal (tanpa kelulusan kepakaran klinikal).

PELAKSANAAN

Syarat dan Kelayakan

3. Pensyarah Perubatan yang layak dibayar Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan Di IPTA adalah pegawai tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*).

4. Pensyarah Perubatan adalah layak dibayar Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan Di IPTA **kecuali** bagi pegawai yang berada dalam keadaan-keadaan seperti berikut :

- (a) Cuti Tanpa Gaji (termasuk Cuti Belajar Tanpa Gaji);
- (b) Cuti Separuh Gaji (termasuk Cuti Belajar Separuh Gaji);
- (c) Cuti Belajar Bergaji Penuh melebihi 92 hari;
- (d) tempoh Cuti Rehat melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (e) cuti selain daripada Cuti Rehat yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am;
- (f) kombinasi mana-mana jenis cuti yang melebihi 28 hari berturut-turut termasuk Hari Rehat Mingguan dan Hari Kelepasan Am dan hari-hari tidak hadir bekerja; atau
- (g) menjalankan tugas rasmi selain daripada tugas hakiki atas arahan Ketua Jabatan yang melebihi 92 hari berturut-turut.

KADAR BAYARAN INSENTIF AKADEMIK PENSYARAH PERUBATAN DI IPTA

5. Kadar Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan Di IPTA adalah seperti di jadual berikut:

Gred	Kadar Sebulan (RM)	
	Dengan Kelulusan Kepakaran Klinikal	Tanpa Kelulusan Kepakaran Klinikal
VK7 dan ke atas	1,200.00	1,000.00
DU 53/54	1,000.00	800.00
DU 51/52	800.00	600.00
DU 45	600.00	400.00

6. Pembayaran Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan/ penempatan Pensyarah Perubatan tidak genap satu (1) bulan kalendar.

7. Kaedah pengiraan *proportionate* Bayaran Insentif Akademik Pensyarah Perubatan ialah seperti berikut:

$$\frac{\text{Bilangan Hari Menjalankan Tugas Pensyarah Perubatan}}{\text{Bilangan Hari Dalam Bulan Berkenaan}} \times \text{Kadar Sebulan}$$


TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Jun 2010**.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri).

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' SRI ABU BAKAR BIN HAJI ABDULLAH)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

15 Julai 2010

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi

Akauntan Negara Malaysia

Ketua Audit Negara

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Persekutuan

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri

Semua Pendaftar Universiti